



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1986**

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT  
PERKHIDMATAN AWAM 1986 [P.U. (A) 151/86]

**1. TUJUAN**

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan pemansuhan [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1972](#) dan menerangkan [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986](#) yang menggantikannya.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1972 \[P.U. \(A\) 47/72\]](#) mula berkuatkuasa pada 1 Januari, 1972. Semenjak tarikh kuatkuasanya dan sepanjang pemakaian Peraturan-peraturan tersebut, Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam telah melalui berbagai-bagai keadaan yang memerlukan pindaan kepada Peraturan-peraturan tersebut. Maka Kerajaan kini bersetuju supaya Peraturan-peraturan tersebut dimansuhkan dan digantikan dengan [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986](#). Peraturan-peraturan yang baru ini telah dikeluarkan

sebagai [Pemberitahu Undang-undang \[P.U. \(A\) 151/86\]](#) dan berkuatkuasa mulai 8 Mei, 1986.

### 3. **PERUBAHAN-PERUBAHAN UTAMA**

3.1 Di antara perubahan-perubahan utama yang terdapat di dalam Peraturan-peraturan baru ini ialah:

- (i) Bagi memudahkan rujukan, Jadual Keahlian Lembaga Kenaikan Pangkat dan Keahlian Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat dijadikan satu sahaja dan tidak lagi dua Jadual yang berasingan;
- (ii) Perkhidmatan-perkhidmatan Guna-sama dibahagikan kepada dua, iaitu satu di bawah kawalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

dan satu lagi di bawah kawalan Akauntan Negara;

- (iii) Didalam Peraturan-peraturan baru ini Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat ke jawatan-jawatan berkod gaji A24 dimansuhkan berikutan pemansuhan tanggagaji A24 oleh Kerajaan.

- (iv) Di dalam Peraturan-peraturan lama terdapat dua sahaja definisi iaitu "kenaikan pangkat" dan "jawatan". Di bawah Peraturan-peraturan yang baru ini pula di samping mengekalkan dua definisi tersebut, definisi "Ketua Jabatan", "Lembaga Kenaikan Pangkat". "Lembaga Rayuan", "memangku" dan "wakil" juga diberikan. Selain itu, definisi "kenaikan pangkat" dipinda sedikit supaya pengertiannya tidak termasuk memangku dan definisi "jawatan" pula tidak termasuk jawatan yang ditetapkan sebagai Jawatan

Khas.

- (v) Bidang kuasa Lembaga Kenaikan Pangkat dihadkan kepada perkara-perkara yang berhubung dengan kenaikan pangkat dan pemangkuan serta menimbangkan dan mengesyorkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya mana-mana pegawai dilantik ke sesuatu jawatan yang ditetapkan sebagai Jawatan Khas. Kuasa meluluskan penanggungjawaban kerja pula tidak lagi di bawah Lembaga Kenaikan Pangkat sebaliknya akan ditetapkan kemudian kelak.
- (vi) Bagi menjamin kewibawaan Lembaga Kenaikan Pangkat, maka di dalam Peraturan-peraturan yang baru ini telah ditetapkan supaya Ahli-ahli Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang akan dipertimbangkan. Selain itu, kuorum bagi Lembaga Kenaikan Pangkat ialah tiga orang yang bermakna Lembaga yang mempunyai tiga orang ahli tidak sah bersidang jika salah seorang daripada ahlinya tidak hadir. Bilangan ahli Lembaga Kenaikan Pangkat bagi Kumpulan 'D' juga telah ditambah daripada dua orang kepada tiga orang supaya selaras dengan Lembaga Kenaikan Pangkat bagi Kumpulan 'B' dan 'C'.
- (vii) Di dalam Peraturan-peraturan yang baru ini terdapat perbekalan bagi seseorang Ketua Jabatan menghantar wakilnya untuk mempengerusikan mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat jika beliau tidak dapat berbuat demikian. Walau bagaimanapun wakil tersebut perlu dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian yang mengawal Jabatan tersebut dengan kelulusan secara bertulis daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

(viii) Beberapa amalan yang selama ini dilakukan secara pentadbiran kini telah diberi kuasa perundangan. Di antaranya ialah penapisan calon-calon dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat dan penubuhan Panel Temuduga untuk membantu Lembaga Kenaikan Pangkat. Lembaga Kenaikan Pangkat juga boleh menaikkan pangkat calon-calon simpanan dalam suatu tempoh selama enam bulan dari tarikh keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat diumumkan.

(ix) Dalam Peraturan-peraturan yang baru ini tempoh untuk mengemukakan rayuan telah dilanjutkan daripada 14 hari kepada 30 hari. Bilangan Ahli Lembaga Rayuan Kumpulan 'B' dan 'C' pula telah ditam-

bah daripada tiga orang kepada empat orang dan Kumpulan 'D' pula ditambah daripada dua orang kepada tiga orang. Di samping itu, bagi menjamin keseragaman prinsip-prinsip rayuan dalam Kumpulan 'D', maka ahli-ahli Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Kumpulan 'D' tidak lagi bertukar-tukar mengikut Kementerian atau Jabatan tempat urusan kenaikan pangkat yang dirayukan itu diadakan, tetapi ditetapkan dengan melantik dua orang ahli daripada mana-mana Kementerian dan Jabatan.

#### **4. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PENGECUALIAN**

4.1 Walau apa pun peruntukan di dalam Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986 ini, urusan-urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan yang telah dimulakan tetapi belum selesai sehingga tarikh kuatkuasa Peraturan-peraturan baru ini bolehlah diteruskan sehingga selesai urusan-urusan tersebut mengikut Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan

Awam yang terdahulu. Namun begitu jika ada rayuan berbangkit daripada urusan berkenaan maka rayuan itu hendaklah dipertimbangkan mengikut peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Peraturan-peraturan yang baru ini.

## **5. SENARAI KEAHLIAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT**

5.1 Dengan berkuatkuasanya Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986 ini, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian/Ketua-ketua Jabatan adalah diminta menyediakan dan mengemukakan ke Jabatan ini dalam 5 salinan senarai Keahlian Lembaga Kenaikan Pangkat Kementerian/Jabatan masing-masing berpandukan Jadual kepada Peraturan-peraturan yang dimaksudkan itu. Senarai tersebut yang akan menggantikan senarai yang telah diluluskan di bawah Peraturan-peraturan yang lama hendaklah sampai ke Jabatan ini untuk kelulusan sebelum 1 Oktober, 1986.

## **6. PEMBATALAN PERATURAN-PERATURAN LAMA**

6.1 Dengan ini Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1972 seperti yang tersebut dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/72](#) bertarikh 25 Februari, 1972 tidak boleh dipakai lagi.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

ZOLKIPLI BIN ABDUL,  
*Pengarah,*  
*Bahagian Perkhidmatan,*  
*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

*Tarikh: 21 Ogos, 1986*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

*Salinan:*

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,  
Bahagian Kenaikan Pangkat/Tatatertib,  
Tingkat 11, Wisma Keramat,  
Jalan Gurney,  
50520 Kuala Lumpur.

Urusetia,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,  
Cawangan Sabah,  
Tingkat 1, Bangunan Wing On Life,  
Jalan Segunting,  
Kota Kinabalu,  
Sabah.

Urusetia,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,  
Cawangan Sarawak,  
Tingkat 6, Bangunan K.W.S.P.,  
Jalan Simpang Tiga,  
Kuching,  
Sarawak.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah,  
Pejabat Perjawatan Persekutuan Sabah,  
Tingkat 6, Bangunan KUWASA,  
Jalan Tunku Abdul Rahman,  
88000 Kota Kinabalu,  
Sabah.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sarawak,  
Pejabat Perjawatan Persekutuan Sarawak,  
Tingkat 3, Bangunan Tuanku Abdul Rahman,  
93520 Petra Jaya,  
Kuching,  
Sarawak.